



WAJAH MELAYU SARAWAK
RAMPAIAN ILMU
BUDAYA

Editor
Awang Azman Awang Pawi

Uni
DS
597.365
W145
2013



Yayasan Sarawak



Kursi Nusantara
Institut Pengajian Asia Timur

**Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**WAJAH MELAYU SARAWAK:
RAMPAIAN ILMU BUDAYA**

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK

UNIMAS



1000247441

WAJAH MELAYU SARAWAK: RAMPAIAN ILMU BUDAYA

Editor

Awang Azman Awang Pawi PhD



Yayasan Sarawak

Yayasan Sarawak
Jalan Sultan Tengah,
Kuching, Sarawak



Kursi Nusantara,
Institut Pengajian Asia Timur,
Universiti Malaysia Sarawak,
Kota Samarahan, Sarawak

2014

© Awang Azman Awang Pawi, 2014

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Institut Pengajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak.

Rekabentuk pucuk rebung merupakan lambang kehidupan alam dan manusia.
Rekabentuk oleh Amzar Ashari.

Diterbitkan oleh

Institut Pengajian Asia Timur
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh

InfoGrafik Press Sdn Bhd
Lot 201, No.265, Section 50, Jalan Nipah
Off Jalan Abell Utara
93100 Kuching, Sarawak

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

WAJAH MELAYU SARAWAK : RAMPAIAN ILMU BUDAYA /

Editor Awang Azman Awang Pawi

Bibliography: pages 323-338

ISBN 978-967-5418-40-2

1. Malays--Sarawak--History. 2. Malays--Sarawak--Social life and customs.

I. Awang Azman Awang Pawi. 1973-. II. Universiti Malaysia Sarawak.

Institut Pengajian Asia Timur.

305.899230959522

Untuk Warisan Alam Nusantara

Kandungan

Prakata	ix
Penghargaan	xi
Bab 1: Asal Usul Melayu Sarawak oleh Awang Azman Awang Pawi	1
Bab 2: Stratifikasi, Populasi dan Sosioekonomi Tradisi oleh Awang Azman Awang Pawi	21
Bab 3: Susun Lapis Masyarakat Melayu oleh Suffian Mansor	39
Bab 4: Politik Melayu Traditional dan Kontemporari Sarawak oleh Suffian Mansor	65
Bab 5: Sejarah PBB: Menoleh Sejarah Mengorak Masa Depan oleh Adenan Satem	91
Bab 6: Sistem Kaukus dan Ketua Menteri Sarawak Kelima oleh Awang Azman Awang Pawi	101
Bab 7: Dialek Melayu Sarawak oleh Salbia Haji Hassan dan Mary Fatimah Subet	115

Bab 8: Tatacara Sapaan dan Adab Berbudi Melayu Sarawak oleh Abang Patdeli Abang Muhi	141
Bab 9: Ungkapan Tradisional Melayu Sarawak oleh Abang Patdeli Abang Muhi	169
Bab 10: Rahsia Kebahasaan Pantun Melayu Sarawak oleh Mary Fatimah Subet, Salbia Haji Hassan	187
Bab 11: Sastera Rakyat Melayu Sarawak: Nilai dan Pengajaran oleh Rosnah Mustafa, Hamidah Abdul Wahab dan Wan Robiah Meor Osman	211
Bab 12: Seni Persembahan: Interpretasi Gendang Melayu Sarawak oleh Shantrol Abdullah	241
Bab 13: Petua, Pantang Larang dan Kepercayaan Tradisi oleh Hamidah Abdul Wahab, Wan Robiah Meor Osman, Rosnah Mustafa, Farah Hanini Abdul Rahman	265
Bab 14: Adat Istiadat Tradisi Melayu Sarawak oleh Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab, Rosnah Mustafa, Siti Marina Kamil	287
Bab 15: Rumusan: Melayu Sarawak Suatu Retrospektif oleh Awang Azman Awang Pawi	313
Bibliografi	323
Biodata Penyumbang	344

Prakata

Buku ini tidak akan terhasil tanpa sokongan dan komitmen berterusan pihak yang terlibat dari Yayasan Sarawak dan Institut Pengajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaya, serta Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam penghasilan buku masyarakat Melayu di Sarawak, kumpulan kami telah memberikan komitmen yang berterusan dan melakukan kajian kepustakaan dan kerja lapangan dalam hambatan kuliah, tutorial dan kerja pentadbiran di institusi masing-masing. Pelbagai perkara yang menarik sepanjang kajian kepustakaan dan kerja lapangan ini termasuk menemui buku-buku nadir, mendokumentasikan bahan-bahan sastera rakyat yang kini kian pupus ditelan zaman daripada informan-informan yang sudah lanjut usia yang tidak mungkin bertahan dalam satu dasawarsa lagi.

Pengetahuan mengenai budaya masyarakat dan politik tradisional dan kontemporari diketengahkan bagi memahami beberapa aspek terpenting Melayu Sarawak yang menjadi asas tradisi dan membentuk *weltanschauung* mereka. Beberapa aspek seperti petua, pantang-larang, kesenian, adat istiadat, kepercayaan tradisi yang memaparkan *rite of passage*, hingga ungkapan tradisional dan adab budi orang Melayu tradisi turut dikemukakan. Setiap bab dalam buku ini mempunyai signifikan yang tersendiri dan memancarkan tujahan dan disiplin ilmu tertentu. Bagi menghargai sumbangan Ketua Menteri Sarawak Kelima, artikel beliau turut diterbitkan kerana di sinilah kita akan dapat lihat contoh terbaik kepimpinan Melayu di Sarawak

yang tegas dan cinta akan perpaduan antara etnik khususnya untuk kesinambungan pembangunan dan keharmonian kaum di Sarawak. Kesemua ini dilakukan untuk menyumbangkan pengetahuan mengenai tamadun dunia Melayu Sarawak yang sebenarnya cabang kepada dunia Melayu Nusantara yang luas. Berdasarkan statistik 2013, etnik Melayu Sarawak kini merupakan etnik kedua terbesar di Sarawak.

Terdapat pelbagai aspek yang disentuh dan menawarkan kepada pengetahuan kearifan tempatan (*local knowledge*) yang segar khususnya kepada khalayak yang belum mengenali dunia Melayu Sarawak yang mempunyai keunikan dalam bentuk yang tersendiri yang dihasilkan sendiri oleh peribumi di alam Nusantara ini. Semoga siri penerbitan buku ini bukanlah suatu bentuk dokumentasi yang terakhir kerana terdapat pelbagai aspek dalam dunia Melayu Sarawak masih perlu dirungkai dan diperdalam. Kami percaya bahawa sementara menanti penulisan yang lebih terperinci dan dihasilkan oleh mereka yang mungkin lebih berpengetahuan dalam bidang ini, maka buku ini adalah sandaran kepada penantian yang cukup langka dalam penulisan buku mengenai dunia Melayu di Sarawak. Manusia tidak abadi, jadi buku ini menjadi visibiliti kewujudan ahli akademik. Justeru, sumbangan kecil ini diharap menjadi malar segar dalam membantu masyarakat untuk memahami *zeitgeist* atau semangat zaman masyarakat Melayu yang bersumberkan alam Nusantara. Semoga penulisan buku ini memperkayakan lagi kajian mengenai etnik di Sarawak.

Dr. Awang Azman Awang Pawi
Kursi Nusantara
Institut Pengajian Asia Timur
Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan

Penghargaan

*“Hasil tulisan yang paling tinggi ialah tesis manakala
hasil tulisan yang paling bermanfaat ialah buku”*
- pujangga tanpa nama

Projek ini dibiayai oleh Yayasan Sarawak. Justeru, setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Tan Sri Datuk Amar Haji (Dr) Adenan Satem yang menegaskan bahawa penyelidikan tidak akan bermakna apabila sekadar di rak penyelidikan sahaja manakala Ybhg. Datu Dr Hatta Solhi dan Ybhg. Dato’ Profesor Dr Mohamad Kadim yang memberikan perhatian terhadap kajian Melayu Sarawak, teman-teman akademik serta penyelidik bersama yang memahami realiti dan cabaran dalam membina kerja berpasukan daripada pelbagai institusi yang terlibat dan mencintai keaslian dalam dunia akademik. Seterusnya, Sdra. Datu Dr. Sanib Said yang terus menerus memberikan sokongan kesarjanaan hingga ke saat-saat akhir persaraan dan sentiasa memastikan segala aspek dalam penerbitan buku sentiasa mendapat perhatian serta perancangan membuah hasil dalam bentuk penerbitan. Penghargaan kepada Kursi Tun Abdul Ghafar Baba yang memulakan inisiatif awal kajian Melayu Sarawak ini.

Sekalung penghargaan buat Prof. Dr Fatimah Abang dan Prof. Dr. Kopli Bujang yang mempunyai sikap amat positif dan proaktif

dalam melestarikan penerbitan kajian akademik di Unimas. Tidak ketinggalan teman-teman akademik Profesor Emeritus Dr Muhammad Haji Salleh, Profesor Dr Mohamad Mokhtar Abu Hassan, Dr Jeniri Amir, Dr Ahi Sarok, Dr Ahmad Nizar, Dr Mohamad Saleeh Rahamad, Dr Tom Hoogervorst, Dr Mus, Dr Marijke Klokke, Profesor Datuk Dr Rashid Abdullah, Stanley Kadam, Azuan Jemat, Dr Lam, Jayl dan lain-lain secara berterusan memberikan galakan dalam penerbitan ilmiah. Tidak dilupakan sokongan dan galakan berterusan Puan Sri Dato Jamilah Anu, Tuan Haji Mohamad Salleh Sani, Mohee, Sukiah, Nommy, Meria, Norzian dan lain-lain yang tidak dapat disebut satu persatu di sini.

*Yang kurik itu kundi
Yang merah itu saga
Yang indah itu budi
Yang baik itu bahasa*

SINGKATAN

ASAS	Angkatan Semangat Anak Sarawak
BARJASA	Barisan Rakyat Jati Sarawak
BN	Barisan Nasional
BPS	Barisan Pemuda Sarawak
FRGS	Fundamental Research Grant Scheme
JPUNS	Jawatankuasa Penaja UMNO Negeri Sarawak
KEADILAN	Parti Keadilan Nasional
PMS	Persatuan Melayu Sarawak
PKMS	Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak
PPM	Pergerakan Pemuda Melayu
PANAS	Parti Negara Sarawak
PESAKA	Parti Pesaka Anak Sarawak
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
PAJAR	Parti Rakyat Jati Sarawak
PERMAS	Parti Rakyat Malaysia Sarawak
PAS	Parti Islam Semalaysia
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PBDS	Parti Bangsa Dayak Sarawak
SCA	Persatuan Cina Sarawak
SUPP	Parti Rakyat Sarawak Bersatu
SNAP	Parti Kebangsaan Sarawak
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
BM	Bahasa Melayu
BMS	Bahasa Melayu Sarawak
BI	Bahasa Inggeris
DM	Dialek Melayu

DI	Dialek Iban
DMK	Dialek Melayu Kuching
DMS	Dialek Melayu Sarawak
JMBRAS	<i>Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society</i>
SG	<i>Sarawak Gazette</i>
SGG	<i>Sarawak Government Gazette</i>
SMJ	<i>Sarawak Museum Journal</i>
SAPO	<i>Sarawak People's Organisation</i>
PNRS	Parti Negara Rakyat Sarawak
UMAT	Parti Umat Sarawak
BERSATU	Sarawak Democratic Bersatu
PLUS	Parti Buruh Sarawak

BAB 1

Asal Usul Melayu Sarawak : Daripada Melayu Nusantara ke Melayu Sarawak

Oleh

Awang Azman Awang Pawi

Pendahuluan

Bab ini meneliti konsep Melayu Nusantara, Melayu dalam konteks perlembagaan dan kemudian diikuti oleh konsep Melayu Sarawak. Pemahaman konsep tersebut penting untuk memahami konsep dan kaitannya dengan Melayu Sarawak. Hal ini kerana perbincangan mengenai masyarakat Melayu Sarawak tidak dapat dipisahkan dengan dunia Melayu Nusantara. Pemahaman yang jitu mengenai evolusi masyarakat di alam Nusantara ini akan dapat menjawab beberapa persoalan mengenai masyarakat Melayu Sarawak yang mempunyai keunikan yang tersendiri.

Asal usul Melayu

Istilah Melayu sudah lama muncul dalam sejarah Melayu. Secara umumnya istilah Melayu mula dapat dikesan sejak abad ke-7 melalui

tulisan I-Tsing pada tahun 648 masihi ketika beliau di Sumatera. Hal ini bermakna, istilah Melayu yang terawal bersumberkan daripada Sumatera dan asal usul Melayu yang terawal atau akar Melayu berpusat di Sumatera. Karya agung pula muncul dan turut menggunakan istilah Melayu dalam karya masing-masing sebagaimana yang dapat dilihat dalam magnum opus *Negarakartagama* dan *Sejarah Melayu*. Istilah Melayu pada peringkat awal tidak dapat terpisah daripada entiti politik. Justeru, penggunaan istilah Melayu selalu dirujuk kepada kerajaan (A.C Milner, 1987).

Dari segi bahasa terdapat pandangan bahawa bahasa Melayu berasal dari kelompok manusia yang dikategorikan sebagai Austronesia yang datang dari daerah Yunan sejak tahun 2500 sebelum masihi dan 1500 sebelum masihi yang menghasilkan evolusi Melayu Proto dan kemudian Melayu Deutro. Terjadilah evolusi kebudayaan termasuk bahasa disebabkan keluasan wilayah dan bahasa berkembang di setiap kawasan dan bahasa Austronesia dianggap bahasa besar yang menumbuhkan empat cabang utama di kepulauan Melayu, iaitu bahasa Nusantara, Polinesia, Melanesia dan Mikronesia. Bahasa Melayu termasuk dalam kategori bahasa Nusantara yang mempunyai jumlah bahasa yang paling banyak, iaitu kira-kira 200-300 bahasa (Teeuw, 1959, Nik Safiah Karim et al, 1993:4). Hal ini berlaku kerana di alam Nusantara terdapat ratusan kepulauan.

Antaranya ialah golongan Filipina meliputi Tagalog, Iloko, Bikol, Bisaya, Sulu, Palau dan Tombulu. Sumatera meliputi Aceh, bahasa Batak (Karo, Toba, Angkola-Mendailing dan sebagainya), Minangkabau, Melayu, Nias, Lampung dan Orang Laut. Jawa meliputi Sunda, Jawa dan Madura. Kalimantan meliputi Iban, Kenya-Kayan dan Melanau. Seterusnya Bali-Sasak, Sulawesi Selatan pula meliputi Makasar, Bugis dan Seko (Teeuw, 1959, Nik Safiah Karim et al, 1993:4-5). Berdasarkan ini kita dapat mengukuhkan pernyataan awal bahawa Melayu Sarawak tersebut bersumberkan rumpun Austronesia-Polinesia.

Melayu Nusantara

Definisi Melayu perspektif kebudayaan Nusantara meliputi seluruh penduduk di dunia Melayu Nusantara tanpa mengira bahasa, agama, adat istiadat yang diamalkan oleh kelompok serumpun tersebut. Semasa pemerintahan Majapahit ungkapan Nusantara telah digunakan untuk menyebut pulau-pulau di luar Jawa. Dalam bahasa Sanskrit, istilah Nusantara adalah ungkapan yang bermaksud pulau atau seberang. Dr. Setia Budi @ Ernest Francois Eugene Douwes Dekker (1879-1950) telah memperkasakan konsep 'Nusantara' yang memberikan perspektif yang lebih meluas, iaitu 'nusa di antara dua benua dan dua samudera'. Konsep ini dapat ditafsirkan sebagai kepulauan yang didiami oleh rumpun Melayu yang terdiri daripada Melayu Riau, Jawa, Bugis, termasuk juga etnik yang berada di Borneo yang mencakupi konsep dunia Melayu yang luas yang dilingkungi dua samudera yang luas.

Sebenarnya Gajah Mada, iaitu Perdana Menteri Majapahit merupakan orang yang pertama kali menggunakan istilah Nusantara melalui Sumpah Palapa yang membayangkan tekadnya untuk menguasai Gurun, Seram, Tanjung Pura, Haru, Pahang, Dampo, Bali, Sunda, Palembang, Tumasik yang dikenalnya sebagai Nusantara. Ungkapan ini tertulis dalam babad Jawa *Negarakertagama*. Konsep Melayu yang luas di Nusantara dapat dikatakan sebagai mengalami nasib dan takdir sejarah yang sama iaitu suatu masyarakat yang asli yang mendiami alam Nusantara ini yang kemudiannya wilayah yang didiami ini dikuasai oleh kolonial yang mengamalkan dasar pecah perintah yang mengakibatkan sosio geografi dunia Melayu terpecah berdasarkan kepentingan penjajahan. Di wilayah 'Indonesia' dikuasai oleh pihak Belanda manakala di wilayah yang dinamai Tanah Melayu yang lain dikuasai oleh Inggeris. Ternyata konsep geografi Nusantara meliputi pesisir Kalimantan, wilayah Sulawesi, kepulauan Filipina yang kemudian membentuk Negara-negara yang berasingan seperti Malaysia, Filipina, Brunei, Indonesia dan Singapura.

Asal Usul Melayu Sarawak

Asal-usul Melayu Sarawak dan pengaruh yang terdapat dalam budaya dan tradisi masih lagi merupakan persoalan besar dan cukup kontroversi. Kesemua persoalan ini dapat dijawab dengan penelitian bandingan daripada Arab menerusi Asia hingga ke China hingga ke kepulauan selatan Pasifik (Overbeck, 1924:280). Misalnya, di Kutai di pantai timur dan Sambas di pantai timur menunjukkan tinggalan purba seperti kraton yang mempunyai pengaruh India. Terdapat juga hubungan dengan kerajaan Srivijaya yang dibuktikan melalui beberapa catatan perdagangan kurun kelima Masihi dan terdapat kemungkinan negeri-negeri di Kalimantan membayar ufti kepada Empayar Majapahit di Jawa semasa zaman kegemilangannya pada abad ke-14. Menurut Hall (1987:641) selepas kedatangan Islam kedudukan politik di Pulau Borneo kelihatan jelas dan menonjol. Kesultanan Islam di Brunei yang ditubuhkan pada akhir abad ke-15, diikuti oleh dinasti-dinasti Islam yang muncul di Sambas, Sukadana dan Landak di pantai barat serta Banjarmasin di selatan. Catatan Antonio Pigafetta yang bersama-sama dalam pelayaran Magellan yang menulis berdasarkan pemerhatiannya sendiri misalnya mendapati, Brunei merupakan negeri yang kuat dan kaya pada tahun 1521 manakala Banjarmasin dan Sukadana di bawah naungan politik kuasa dari utara Pulau Jawa, iaitu Demak dan Surabaya, sementelahan itu Sambas pula didapati mempunyai hubungan dengan Johor dan Semenanjung Tanah Melayu.

China pula mempunyai tapak yang teguh dalam perdagangan di pelabuhan-pelabuhan Kalimantan melalui pembolotan perniagaan rempah, emas, dan permata yang menjadi tumpuan dalam kalangan pedagang Eropah dan perdagangan lain seperti kapur barus, rotan, lilin, damar, kayu-kayan dan makanan lain termasuk agar-agar, teripang, sirip ikan yu dan sarang burung (Hall, 1987:642). Malah dikatakan juga orang China Islam turut berdagang di kepulauan tersebut. Hal ini menyebabkan orang Belanda berusaha menguasai Kalimantan untuk menguasai dan membolot perdagangan hasil maksul kepulauan Borneo.

Sumber Melayu Sarawak

Hikayat Sarawak (1932), iaitu sumber sejarah terawal yang ditulis oleh peribumi memperakukakan bahawa bangsa Melayu Sarawak adalah daripada rumpun Melayu Nusantara yang lebih besar dan luas. Daripada ini, Melayu Sarawak bersumberkan pelbagai sudut iaitu dari Melayu Brunei yang asalnya dari Johor, malah ada yang datang secara langsung dari Minangkabau. Terdapat juga kemungkinan mempunyai susur galur dari Mongolia yang bercampur baur dengan bangsa-bangsa lain seperti Arab dan India. Aspek ini sebenarnya, berkaitan konsep Melayu Nusantara yang mempunyai hubungan luas dengan bangsa-bangsa lain di dunia dalam konteks perdagangan, politik dan keagamaan.

Orang Melayu juga mempunyai jumlah yang ramai di Kuching, Sadong, Kalaka, Simanggang dan Sibul. Begitu juga di Lundu, Saribas dan di Muara Batang Rajang serta di sepanjang rantau di antara Tanjung Datu dengan Tanjung Sirik. *Hikayat Sarawak* juga, mencatatkan bahawa sebelum kedatangan agama Islam kehidupan orang Melayu dalam kegelapan dan sentiasa dalam kesukaran dan mengakibatkan kedatangan orang Melayu dari Sumatera dan Minangkabau ke Singapura pada tahun 1160 dan 1253, seterusnya berpindah ke Melaka. Hal ini disebabkan oleh serangan daripada Majapahit. Di Melaka agama Islam mulai dianuti pada tahun 1276 dan memberikan kekuatan spiritual dan kekuatan kekuasaan Melayu, selepas kerajaan Srivijaya.

Pengarang *Hikayat Sarawak*, iaitu Muhammad Rakawi Yusuf juga tidak terlepas daripada menggunakan *Hikayat Datuk Merpati* sebagai sumber untuk menjejaki asal usul Melayu walaupun tidak menyatakan sumbernya, akan tetapi ternyata *Hikayat Datuk Merpati* adalah sandarannya. Beliau yang bersetuju bahawa asal usul orang Melayu Sarawak adalah dari Minangkabau Sumatera, iaitu ketika zaman kerajaan Melayu di Sumatera dan Melaka sedang berada dalam

puncak kekuasaan dan memeluk agama Islam. Dalam hal ini, Raja Minangkabau bernama Datu' Undi yang menggunakan gelaran Raja Jarum telah berpindah ke Pulau Borneo lalu menetap di Sarawak.


Raja Jarum ini mempunyai tujuh orang anak. Yang paling tua adalah perempuan yang bernama Datu' Permaisuri yang telah berkahwin dengan anak Raja Jawa bernama Datu' Merpati atau dalam konteks Jawa dikenali sebagai *Adipati* yang wujud daripada kehancuran kekuasaan Majapahit. Penggunaan '*kola*' yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisi yang merujuk kepada pengertian 'saya' apabila bercakap kepada pihak yang lebih tinggi dan berkuasa dan dihormati. '*Kola*' adalah asalnya daripada bahasa Jawa, iaitu, "*ku-luh*", iaitu bahasa halus yang digunakan oleh orang Jawa apabila bercakap dengan ratu atau pemerintah.

Daripada tujuh orang anak Raja Jarum, lima orang sahaja yang datang dan menduduki Sarawak dan jajahannya, iaitu Datu' Permaisuri tinggal di Sarawak dan anaknya kedua, iaitu Datu' Kembali berkuasa di Saribas, anak ketiga, iaitu Datu' Terawoh di Sungai Samarahan, anak yang ke-empat, iaitu Datu' Sabtu di Rajang, anak ke-lima Datu' Makam di hulu Sungai Sarawak, iaitu di Emparuh. Dua anak yang lain, iaitu Datu Lenggang ke Sambas dan Datu Pengetahuan pindah ke Jawa. *Hikayat Sarawak* merumuskan bahawa asal usul kedatangan Melayu Sarawak tanpa mengira sama ada golongan bangsawan atau pun golongan biasa adalah daripada keturunan Minangkabau. Hal ini mengambil andaiaan dengan kedatangan Raja Jarum dan diikuti oleh pengikut-pengikutnya manakala Raja Jarum secara zuriat melahirkan Datu Permaisuri hingga kepada Datu Patinggi Ali seterusnya ke Datu Syahbandar.

Hikayat Datuk Merpati merupakan karya sejarah yang paling mendapat tempat di hati masyarakat Melayu Sarawak dalam bentuk cerita lisan. Kisah Datuk Merpati dipercayai sesetengah masyarakat Melayu Sarawak sebagai benar-benar terjadi. Beberapa keluarga di

Kuching pernah mengakui bahawa mereka merupakan keturunan Datuk Merpati. Malah ada keluarga Melayu di Kuching masih menyimpan sisik Naga-pemberian Sang Naga yang dikatakan anak Datuk Merpati, malah pernah seorang perempuan tua yang berumur hampir seratus tahun mengaku ada menyimpan sebilah pedang panjang kepunyaan Datuk Merpati yang enggan dijualnya kepada pihak Muzium Sarawak (Madzhi Johari, 1988: 174).

Ternyata Datuk Merpati merupakan watak yang hadir dalam jiwa masyarakat Melayu Sarawak. Disebabkan kebesaran Datuk Merpati ini juga telah menjadi tokoh ini hidup dalam imaginasi masyarakat Iban dan Bidayuh khususnya masyarakat Bidayuh daerah Sadong, Grogong di Bau manakala Iban Sebuyau juga mengaitkan keturunan mereka dengan keturunan Datuk Merpati. Oleh hal yang demikian, jelaslah menunjukkan pelbagai penceritaan mengenai ketokohan Datuk Merpati sehingga wujudnya pelbagai versi dan variasi dalam kisah dan cerita. Namun demikian, ketokohan yang jelas dilihat tetap akan menyebut nama yang sama iaitu Datuk Merpati. Daripada hikayat ini, dapat diperturunkan salasilah keluarga Datuk Merpati seperti dalam rajah 1 berikut:



(Sumber: Mohammed Yusof Shibli, 1950:264)

Dalam kalangan masyarakat Melayu tradisi, terdapat pengakuan bahawa daripada keturunan orang Minangkabau di Sumatera. Orang Melayu yang mempunyai pangkat tinggi, iaitu Datu Bandar mengaku sebagai berketurunan Merpati Jepang, iaitu anak lelaki Datuk Merpati di Minangkabau. Malah nama sekolah Datuk Merpati Jepang juga terdapat di kawasan Satok, di Petra Jaya Kuching. Hal ini mencerminkan betapa Datuk Merpati amat diyakini kewujudannya termasuk dalam aspek salasilah dan kesannya dalam minda Melayu Sarawak. Aspek penekanan terhadap unsur-unsur matrilokal iaitu berkediaman di tempat perempuan dianggap sebagai pengaruh kekeluarga yang mengutamakan matrilineal dalam masyarakat Minangkabau. Selain itu, persamaan konsep 'abung' di Lampong dengan 'Abang' dalam kalangan orang Melayu yang hampir sama bunyi dan menunjukkan konsep gelaran pangkat dan kelas dalam masyarakat juga antara merupakan faktor asal usul daripada keturunan Minangkabau. Namun Abang Yusuf Puteh menolak andaian ini, sebaliknya, menyatakan 'abangan' berasal dari Sangau.

Perspektif Syair Saribas

Syair Saribas merupakan antara sumber untuk menjejaki asal usul Melayu Sarawak. Saribas merupakan penempatan Melayu sebelum kedatangan Iban dari Kapuas pada akhir abad ke-16. Melayu dan Iban mempunyai hubungan yang cukup baik dan ini menyukarkan pihak kolonial Inggeris untuk menundukkan kekuasaan tersebut. Kuala Saribas merupakan suatu kawasan yang dikuasai Dato Abang Gudam yang merupakan pedagang yang berasal dari Pagar Ruyung, Minangkabau manakala Temenggong Kadir pula dari Brunei. Keturunan Dato Abang Gudam dikatakan membentuk kelas aristokrat yang dikenali sebagai golongan *perabangan*. Dalam hal ini, dikisahkan bahawa Dato Abang Gudam menyelamatkan Dayang Chi, iaitu anak kepada Temenggong Kadir daripada diambil oleh Sultan Brunei tanpa restu Temenggong Kadir. Batu nisan Temenggong Kadir, Dato'

Abang Gudam, Dayang Esah masih lagi dan dapat dilihat di Pusa membuktikan kewujudannya. Berdasarkan susur galur teks tersebut, keturunan Dato Abang Gudam Melayu adalah daripada Raja Suran sebagaimana keturunan Melayu kerajaan kesultanan Melaka. Hal ini membuktikan bahawa terdapat persamaan asal usul Melayu Saribas dengan Kesultanan Melaka dan Melayu di Sumatera. Keturunan Melayu Saribas ini dapat dilihat daripada susur galur berikut :

1. Raja Suran
2. Raja Ismail
3. Rajah Rambli
4. Rajah Isti
5. Rajah Jadit
6. Rajah Hamid
7. Rajah Umat
8. Rajah Driss
9. Rajah Basir
10. Rajah Ladah
11. Rajah Inchaik
12. Rajah Jaffar
13. Rajah Saffar
14. Rajah Suleiman
15. Bandarhara Samad
16. Bandarhara Mansor
17. Bandarhara Ismail
18. Bandarhara Harun
19. **ABANG GUDAM**- Melayu 'pertama' tinggal di Kuala Saribas
20. Datu Bandar Draham
21. Datu Nuga Omar
22. Bandar Bukut

23. Bandar Hai or Ai
24. Datu Patinggi Mula
25. Datu Patinggi Kedit
26. Laksamana Amir dan Laksamana Omar
27. Abang Apong (dan lain-lain)
28. Dayang Tiah
29. Abang Abing
30. Abang Zin (meninggal dunia tanpa meninggalkan zuriat pada tahun 1958)

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Anthony Richards (1963: 99-107, Benedict Sandin (1964:512-5), Tom Harrison, 1970: 25-26)

Beberapa Pandangan

Ternyata masyarakat Melayu Sarawak merupakan masyarakat yang sudah berinteraksi dengan masyarakat luar dan orang Melayu Sarawak adalah daripada satu kelompok penduduk asal yang mendiami alam Melayu dalam rumpun Melayu di Nusantara yang meluas di antara benua besar dan kini dipisahkan oleh sempadan politik ciptaan kolonial.

Baring-Gould dan Bampfde (1909) menganggap Melayu Sarawak yang datang adalah bersusur galurkan Melayu Brunei yang berasal dari Johor, dari Tanah Melayu dan ada yang datang terus dari kerajaan silam Minangkabau. Kenyataan ini ada benarnya kerana menurut pengamatan penulis, terdapat beberapa keluarga dari Kuching mengakui bahawa keluarga mereka berasal dari Terengganu yang kini tinggal di Kampung Buntal. Terdapat juga menganggap keluarga mereka mempunyai pertalian dengan kesultanan Brunei dan hal ini dibuktikan dengan penggunaan sistem panggilan dalam susun lapis masyarakat seperti pengiran dan awang, manakala ada yang berasal